

Headline	9,000 jamu durian musang king		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Timur)		
Date	16 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,394
Page No	47	Readership	19,182
Language	Malay	ArticleSize	282 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,424
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,272



# 9,000 jamu durian musang king

**RAUB 15 Julai** - Sebanyak 5.5 tan metrik durian pelbagai jenis khususnya musang king habis dalam tempoh 30 minit selepas kira-kira 9,000 pengunjung termasuk dari negara luar menyerbu Festival Durian Antarabangsa Raub 2019 di Daerah Raub di sini kelmarin.

Raja buah itu disediakan Jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) negeri dan persatuan pekebun di sini sempena festival berkenaan yang dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Selain menyediakan ribuan bekas mengandungi ulas durian, pengunjung juga menyerbu booth untuk mengambil buah durian musang king.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi negeri, Datuk Seri Ir. Mohd. Sofii Abd. Razak berkata, penganjuran festival itu bertujuan memperkenalkan durian musang king ke peringkat antarabangsa.

"Kira-kira 50 pengusaha kebun durian musang king di daerah ini menyertai festival ini membabitkan kerjasama Persatuan Pekebun Buah-bahan negeri, Persatuan Generasi Peniaga Baharu Raub dan Street Food and Night Bazaar Event Management yang menjadikannya antara pesta terbesar di negeri ini," katanya pada

festival berkenaan.

Menurutnya, festival tiga hari itu mendapat sambutan hangat pengunjung, pekebun durian dan peniaga termasuk pengusaha dari Wilayah Nanning, China yang hadir untuk melihat dengan lebih dekat sambil menikmati keenakan durian musang king.

Beliau berkata, penganjuran festival tersebut juga dapat mempromosikan daerah ini sebagai Lembah Durian utama di negara ini sekali gus sebagai pusat kajian dan pembangunan tanaman durian serta pasaran ke luar negara.

Sementara itu, Presiden Anak Raub, Fadzli Mohamad Kamal berkata, festival berkenaan memberi peluang kepada pengunjung menikmati keenakan durian musang king serta jenis lain secara percuma.

"Saya yakin hasrat kerajaan negeri termasuk agensi perludungan, pertanian, pemasaran dan pekebun di sini dapat meningkatkan pengeluaran hasil durian di samping membugaran kajian tekstur buah serta kualiti rasa bagi mampu memenuhi pasaran antarabangsa," katanya.

Pengerusi Majlis Belia Raub, Abdul Basits Mohamed Mokhtar pula berkafa, dia melihat pengunjung teruja menikmati keenakan rasa musang king yang mempunyai nilai pasaran tinggi.



**KAKITANGAN** Jabatan Pertanian negeri dan penganjur mengumpul durian musang king dalam Festival Durian Antarabangsa Raub 2019 di Raub, Pahang, baru-baru ini.